



18 Julai 2014
18 July 2014
P.U. (A) 214

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE

PERINTAH KAWALAN HARGA DAN ANTIPENCATUTAN (PENANDAAN HARGA BARANGAN HARGA TERKAWAL) (NO. 4) 2014

PRICE CONTROL AND ANTI-PROFITEERING (PRICE MARKING OF PRICE-CONTROLLED GOODS) (NO. 4) ORDER 2014



DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA KAWALAN HARGA DAN ANTIPENCATUTAN 2011

PERINTAH KAWALAN HARGA DAN ANTIPENCATUTAN
(PENANDAAN HARGA BARANGAN HARGA TERKAWAL) (NO. 4) 2014

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 10 Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011 [*Akta 723*], Menteri membuat perintah yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Kawalan Harga dan Antipencatutan (Penandaan Harga Barangan Harga Terkawal) (No. 4) 2014**.

(2) Perintah ini berkuat kuasa bagi tempoh dari 20 Julai 2014 hingga 5 Ogos 2014.

Penandaan harga

2. (1) Mana-mana orang yang menjual atau menawarkan untuk menjual apa-apa barangan harga terkawal yang disiarkan dalam Perintah Kawalan Harga dan Antipencatutan (Penentuan Harga Maksimum) (No. 4) 2014 [*P.U. (A) 213/2014*] hendaklah meletakkan label berwarna merah jambu yang menunjukkan harga bagi setiap unit atau setiap unit timbangan, nama yang memerihalkan barangan itu dan gred atau kualiti, jika ada, bagi barangan harga terkawal itu.

(2) Mana-mana orang yang tidak mematuhi subperenggan (1) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan—

(a) jika orang itu suatu pertubuhan perbadanan, didenda tidak melebihi dua puluh ribu ringgit dan, bagi kesalahan kali yang kedua atau yang berikutnya, didenda tidak melebihi lima puluh ribu ringgit; atau